


RAHSIA BACA CHART



by Ir. Sofian



TENTANG PENULIS

Ebook ini ditulis oleh saya iaitu Ir. Sofian yang merupakan anak kelahiran Johor. Bagi anda yang belum mengenali diri saya, saya merupakan CEO bagi sebuah syarikat AJL (M) Sdn Bhd yang merupakan sebuah akademi yang mengajarkan tentang perdagangan pasaran emas di dalam platform trading.

Sebelum saya menubuhkan AJL, saya mempunyai minat yang mendalam terhadap emas dan perak. Saya mula menceburkan diri dalam bidang pelaburan emas dan perak ini sejak tahun 2009 dengan berbekalkan azam yang kuat untuk mendalami ilmu tentang emas yang merupakan satu-satunya harta yang bernilai diberikan oleh Allah SWT.

Dalam pada itu, saya mula mendalami teknik-teknik melabur emas dengan betul dan saya juga cuba belajar menguasai bidang teknikal analisis bagi mengkaji pasaran emas pula. Alhamdulillah, Allah telah mengurniakan saya ilham yang memudahkan saya untuk memahami ilmu tentang emas ini hinggakan saya berjaya menjadi pakar. Hampir 80%-90% analisis yang saya lakukan adalah tepat. Dari itu,

saya juga memberikan konsultasi mengenai pelaburan emas dan perak di dalam seminar-seminar yang dianjurkan.

Saya juga ada menulis buku berjudul 'Magnet Emas Magnet Kekayaan' bagi berkongsi kepada masyarakat tentang bagaimana mereka boleh menjadikan emas fizikal sebagai magnet kekayaan mereka.

Bukan itu saja, bahkan saya juga menjalankan program **Trade Gold For Money (TG4M)** dan **Simplified Trading Signal (STS)** untuk mengajar dan mendidik masyarakat bagaimana untuk trade emas dengan cara yang betul dan selamat.

Selain itu, saya turut mengeluarkan sebuah dvd yang merupakan cara pembelajaran TG4M secara virtual yang dipanggil **Gold Trading Intensive (GTI)**. Melalui DVD GTI ini, trader boleh mempelajari teknik dan sistem yang saya gunakan hanya dari rumah sahaja tanpa perlu bersusah payah untuk hadir ke tempat saya hadir program. Ianya merupakan sistem pembelajaran jarak jauh sesuai untuk mereka yang tidak dapat hadir ke program saya, tetapi berminat untuk belajar ilmu trading yang betul.

PRAKATA

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya saya dapat menyelesaikan ebook saya ini. Tanpa taufiq dan inayahnya, mungkin saya tidak mampu untuk melengkapkan ebook ini.

Ebook ini mendedahkan tentang RAHSIA baca chart yang mampu membantu anda mengenali dunia pasaran dengan lebih mendalam. Justeru, saya menyediakan ebook ini kerana saya tahu ada di antara anda yang ingin mempelajari tentang chart dan menjadi seorang trader yang berjaya. Cuma anda sendiri tidak tahu bagaimana dan di mana untuk anda mendapatkan ilmu tersebut.

Segala maklumat dan informasi yang ditulis di dalam ebook ini bukan sahaja bedasarkan pengalaman saya selama hampir 9 tahun terlibat dalam pelaburan emas dan perak, tapi ia juga merujuk kepada kajian yang saya telah lakukan sehingga saya menjadi pakar dalam teknikal analisis.

Sepanjang saya mengajarkan kepada orang di luar sana mengenai ilmu trading, saya lihat ramai yang bertanya-tanya bagaimana mereka dapat memahami akan chart sesuatu pasaran itu. Bagaimana hanya dari memandang sebuah chart yang kosong membolehkan mereka ini mengetahui di manakah destinasi harga

Ebook Trading : Rahsia Baca Chart

hala tuju pasaran tersebut. Semoga dengan kewujudan ebook ini dapat membantu menambahkan lagi ilmu trading anda.

Untuk pengetahuan anda, penggunaan bahasa di dalam ebook ini bukan sengaja untuk dirojakkan antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, akan tetapi penggunaan istilah atau terminologi yang digunakan di dalam dunia trading adalah dalam Bahasa Inggeris. Jadi saya cuba mengekalkan penggunaan beberapa terma dan hanya sesetengah perkataan sahaja yang saya ubah kepada Bahasa Melayu selagi mana ia tidak disalahtafsirkan.

Selamat membaca dan semoga ilmu dari ebook ini akan dapat menjadi salah satu bahan rujukan dan penambah pengetahuan buat anda.

Salam Sayang

Ir Sofian

ISI KANDUNGAN

Tentang Penulis	1	
Prakata	3	
BAB 1	Mengapa Trader Gagal Dalam Trading	6
i.	Trade Mengikuti Tuah Untung Nasib	11
ii.	Ketamakkan Trader Melampaui Keperluan	13
iii.	Trader Anggap Trading Ni Senang & Tak Perlu Belajar Untuk Berjaya	16
iv.	Tak Suka Laburkan Masa & Duit Untuk Dapatkan Tunjuk Ajar Dari Mentor	18
v.	Fokus Yang Lemah Atau Sedikit	20
vi.	Trader Terlalu Emosi Semasa Trading	21
vii.	Trader Cuba Cover Balik Kerugian Dengan Menanggung Lebih Banyak Kerugian	24
BAB 2	Bagaimana Nak Baca Chart Kosong	27
i.	Lihat Kepada Trend Pasaran	29
ii.	Lihat Kepada Zon Support & Resistance	31
iii.	Lihat Kepada Bentuk Candlestick	33
iv.	Lihat Kepada Supply & Demand	36
BAB 3	Bahagikan Akaun Trading	38
	Pembahagian Akaun Trading	39
Penutup		42

1

ANDA WAJIB TAHU:

**MENGAPA TRADER GAGAL
DALAM TRADING**

MENGAPA TRADER GAGAL DALAM TRADING?

Penahkah terlintas difikiran anda mengapa ramai trader yang gagal dalam trading? Sedangkan bukankah trading ini yang membolehkan seseorang itu keluar dari kemelut kewangan?

Saya lihat ramai yang cuba menceburi bidang trading ni sebab nak upgrade-kan taraf kewangan mereka. Tapi sayangnya.. Ramai juga antara mereka ini yang kecundang apabila menceburkan diri dalam dunia trading.

Inilah saat yang paling ditakuti oleh trader apabila mereka menemui jalan kegagalan dalam trading. Siapalah yang nak wang yang dilaburkan lebur begitu aje kan? Anda pun tak nak kan?



Seharusnya setiap trader sudah sedia maklum bahawa pelaburan di dalam dunia trading ini sememangnya mempunyai risiko yang sangat tinggi. Sebagaimana tingginya pulangan keuntungan yang anda nak perolehi, sebanyak itu jugalah kerugian yang anda harus hadapi.

Bila perkara yang anda takuti ini terjadi, pada siapakah yang anda nak salahkan?

Adakah anda nak salahkan platform trading? Atau salahkan pihak broker? Atau salahkan orang yang memperkenalkan anda dengan dunia trading?

Tidak!

Anda tidak harus menyalahkan sesiapa kerana untung rugi sudah sememangnya menjadi asam garam di dalam pelaburan trading. Cumanya, bagaimanakah caranya untuk anda mengatasi diri anda daripada tergelincir dan terjebak dalam kalangan

mereka yang rugi ini? Dan bagaimana cara anda nak atasi dari ianya berlaku sekali lagi? Takkan nak biarkan pisang berbuah dua kali kan?




Sebenarnya bukan tiada jalan untuk anda meminimakan risiko kerugian di dalam trading. Tapi anda sendiri haruslah berusaha untuk menangannya dengan cara yang bijak dan terbaik.

Sebelum tu saya nak tanya, tahukah anda bahawa peratusan trader yang gagal di dalam trading ini sangat tinggi berbanding mereka yang berjaya?



Walaupun tiada kajian yang terperinci mengenai berapa peratuskah trader yang gagal dan berjaya di dalam trading, namun dari hasil pemantauan dan pemerhatian saya, rata-rata menyatakan bahawa 90% trader adalah trader yang gagal di dalam trading. Manakala, hanya 10% sahaja trader yang berjaya di dalam trading.

Mengapakah keadaan seperti ini terjadi? Bukahkah trading sebenarnya mampu menjadikan kita mencapai *financial freedom*? Tapi mengapa terlalu tinggi pula peratusan mereka yang gagal?



Sebenarnya, setelah saya meneliti dengan mendalam tentang apakah punca-punca yang menyebabkan hampir kebanyakan trader ini mengalami kegagalan, saya dapati ia bukanlah berpunca daripada masalah sistem atau platform yang digunakan. Kerana masih ada sahaja trader yang berjaya walaupun menggunakan sistem dan platform yang sama.



Tetapi punca utama kegagalam trader tersebut adalah daripada masalah dalaman trader itu sendiri yang menjadi pencetus kepada kegagalan mereka. Apakah yang mereka lakukan sehingga menemui jalan kegagalan?

Di sini saya nak kongsi kepada anda tentang apakah faktor yang buat ramai trader gagal dalam trading. Sekurang-kurangnya anda boleh jadikan ia sebagai panduan bagi diri anda supaya tidak melakukan kesalahan-kesalahan ini.

Ambil ia sebagai pengajaran untuk anda hadapi dunia trading yang penuh mencabar ini. Dari penerangan ini juga anda akan faham dengan lebih jelas apakah punca yang menyumbang kepada peratusan kegagalan trader dalam trading ini.

Faktor I: Trade Mengikut Tuah Untung, Nasib

Ramai trader yang menggunakan tuah untung nasib mereka untuk tujuan membuat duit. Pada mereka, tidak ada apa yang perlu dipelajari. Hanya perlu main tekan-tekan sahaja. Sekiranya dapat untung, untunghlah mereka.

Pemikiran sebegini sebenarnya tidak elok sekiranya anda inginkan berada lebih lama dalam pasaran. Tapi itulah, bukannya tak ada trader sebegini.



Saya sendiri pernah mempunyai pelajar yang kerenahnya macam ni. Bangun-bangun saja dari tidur, mereka terus tekan buy atau sell tanpa melihat apakah trend pasaran dan kemanakah ia akan pergi. Padahal bukannya saya tak ajarkan cara yang betul nak trade. Cuma sikap mereka dah begitu.

Kerana suka mengamalkan sikap sebegini, kebanyakan mereka terpaksa ditendang keluar oleh broker dari pasaran kerana wang di dalam akaun mereka telah pun habis.

Dalam erti kata lain, akaun trading mereka telah *Margin Call* (MC).

Bagaimanakah duit trader ini boleh habis?



Perkara ini sudah tentu boleh terjadi, lebih-lebih lagi apabila mereka yang trade tidak mengikut trend pasaran dan hanya mengikut tuah untung nasib mereka.



Setiap entry yang dilakukan jika bertentangan dengan trend pasaran, sudah tentu akan menyebabkan mereka mengalami floating. Floating ni ada yang bagus dan ada yang tidak. Yang tidak tu bila trend tak sama dengan arah position yang kita masuk.

Jika dibiarkan terlalu lama, dan trend masih lagi tidak bertukar arah, wang modal di dalam akaun mereka ini akan habis ranap begitu sahaja. Satu per satu posisi mereka akan ditutup disebabkan kerana wang modal dan margin dah cecah limit.

Kenapa anda perlu bazirkan wang anda untuk sikap anda tu? Bagi saya senang aje. Kalau anda rasa pasaran tak ada trend, tak ada signal untuk entry, lebih baik anda jauhkan diri. Tak perlu masuk apa-apa posisi dalam pasaran. Sebab ia hanya akan merugikan diri anda je nanti.

Lebih baik anda hindarkan sikap sebegini dan kalau nak trade, trade betul-betul. Buat duit betul-betul.



Faktor 2: Ketamakan Trader Melampaui Keperluan

Ini juga salah satu faktor kenapa trader gagal iaitu apabila trader terlalu tamak sehingga melampaui keperluan yang sepatutnya mereka dapat.

Saya selalu nasihatkan student saya supaya jangan tamak. Dah dapat profit ikut target kita, close aje posisi tu. Jangan biarkan perasaan 'greedy' ni menguasai diri. Sebab nanti anda juga yang rugi sebab anda kena tahu yang Mr. Market ni suka buat hal sendiri.

Oleh sebab sikap tamak ini umpama hantu yang sentiasa menghantui setiap trader. Mereka menjadi tamak apabila sudah

mendapat profit dan tidak ingin menutup posisi mereka akibat inginkan lebih banyak lagi profit.



Seperti ada bisikan-bisikan yang bersuara suruh jangan tutup posisi. Tunggu profit banyak lagi baru tutup. Bisikan inilah yang akan menyebabkan trader mula lari daripada fokus sebenar.

Akibat sikap tamak ini juga mereka mula trade tidak berdasarkan kepada analisis dan sistem yang dilakukan. Tetapi mereka menjadi trader yang mengejar pasaran.

Apabila sikap tamak mula menguasai trader, mereka sanggup membiarkan posisi mereka di dalam pasaran lebih lama dari yang sepatutnya.



Oleh sebab pergerakan pasaran ini sebenarnya sangat volatile, maka sudah biasa juga trend akan sentiasa berubah-ubah. Bagi trader yang mengejar profit dan tak ingin tutup posisi mereka, mereka hanya akan menyusahkan diri sendiri je nanti.

Yelah, apabila berlaku pertukaran trend, keuntungan yang mereka dah dapat sebelum ini telah hangus akibat mereka tidak menutup posisi.

Dan waktu itu jugalah mereka baru nak menyesal, kenapalah tak tutup posisi tu masa tengah profit. Bila dah rugi, mereka dah jadi takut pula untuk menutup posisi dan meletakkan harapan agar pasaran akan kembali semula mengikut arah yang mereka mahukan.



Tetapi sudah tentu ia sesuatu yang mustahil terjadi sebab trading bukanlah *magic*. Ia adalah satu sistem yang bergerak mengikut arahnya sendiri dan trader harus mencari dan mengikut arah pasaran tersebut.

Sebab itu lah trader tidak boleh terlalu tamak. Sebab sikap tamak ini memang akan merugikan trader sendiri. Walaupun sebelum itu dia pernah jadi trader berjaya.

Anda patut ambil pengajaran dari sikap tamak ini. Jangan ulangi kesilapan orang lain. Kan lebih baik belajar dari pengalaman orang. Sekurang-kurangnya anda dapat selamatkan akaun trading anda nanti.



Faktor 3: Trader Anggap Trading Ni Senang & Tak Perlu Belajar Untuk Berjaya

Siapa kata tak payah belajar boleh berjaya? Cuba anda bagi kat saya siapa yang tak belajar trading ni tapi dia berjaya sampai sekarang?

Tak ada!!

Jangan anggap trading ni benda senang tau. Tiada apa yang senang dalam hidup ini. Begitu juga dalam pelaburan trading. Oleh kerana ramai trader menganggap trading ini senang dan tak perlu nak bersusah payah untuk belajar dah boleh buat duit, akibatnya wang mereka lebur begitu saja.

Sepatutnya anda sedar bahawa trading ini sememangnya mempunyai risiko yang sangat besar. Jadi mengapa anda perlu menanggung risiko yang besar dengan trade tanpa ilmu?

Jangan main trade aje tanpa mengetahui di manakah signal yang sesuai untuk anda masuk dan keluar dalam pasaran sebab ianya hanya akan menyebabkan wang anda habis lebur begitu sahaja.



Hanya kerana trader menganggap trading ini senang dan mengambil cara mudah sahaja untuk buat duit, akhirnya mereka sendiri merugikan diri sendiri.

Saya sendiri selalu melihat situasi seperti ini. Bukan tidak ramai. Ramai juga trader yang menceburkan diri dalam trading tanpa belajar dahulu dengan mendalam.

Mereka lebih suka benda yang free, benda yang mudah, dan tak perlu pakai otak. Kalau boleh dapat free signal ke, dapat copy trade ke, mereka suka lah.

Tapi sampai bila mereka akan terus begini? Mungkin sewaktu nasib mereka baik, mereka akan dapat untung. Tapi bila tiba waktu trading mereka hancur, dan wang modal mereka burn, takkan nak salahkan trading? Sedangkan mereka sendiri tak nak belajar cara yang betul.

Faktor 4: Tak Suka Laburkan Masa & Duit Untuk Dapatkan Tunjuk Ajar Dari Mentor

Salah satu sikap trader yang hanya menyebabkan mereka kerugian dalam trading adalah sikap tidak suka untuk laburkan masa dan duit bagi mendapatkan tunjuk ajar dan panduan yang betul dari seorang mentor.

Apabila mereka berlagak pandai dan cuba trade sendiri tanpa ada



tunjuk ajar dari mentor, akhirnya mereka sendiri yang menyesal akibat wang mereka lebur.



Walaupun mereka belajar dari youtube atau hanya sekadar membaca info-info dari dalam group forum, ia belum cukup kuat dan kukuh untuk mereka berdiri tegak di dalam dunia trading. Hal ini kerana, sekiranya mereka melakukan kesilapan, tiada orang yang akan menegur dan memberitahu apakah salah dan silap mereka dalam trading.

Perkara ini sangat penting kerana jika tiada yang menegur akan kesilapan yang anda buat, anda akan terus-terusan melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Dan setiap kali itu juga anda akan kerugian.

Malah, tiada juga orang yang akan memberikan sokongan dan dorongan kepada anda. Oleh sebab itu, sekiranya anda trade tanpa tunjuk ajar mentor, anda boleh tersasar dari jalan yang betul.

Jadi anda hanya akan lebih banyak menghabiskan duit dan masa dengan trade tanpa ilmu daripada pergi ke kelas, belajar dan dalam ilmu trading dengan betul.

Tak salah pun untuk kita cuba belajar baru buat daripada cuba buat, dah rugi baru belajar. Kan!!

Faktor 5: Fokus Yang Lemah Atau Sedikit

Ramai trader yang selalu terpaksa 'cut loss' sahaja posisi trading mereka akibat trade mereka mengalami kerugian.



Ada yang baru aje masuk posisi, tapi apabila sudah nampak tiada keuntungan yang diperolehi, mereka cepat-cepat tutup posisi mereka kerana takut lebih banyak kerugian yang dialami.

Sebenarnya mereka bukan rugi, cuma mereka tidak meletakkan fokus yang tinggi semasa trading. Trader seharusnya memberikan

fokus yang tinggi sebelum meletakkan posisi dengan melihat di manakah signal untuk mereka masuk posisi dalam pasaran.



Namun, jika mereka hilang fokus selepas masuk posisi, itu juga akan menyumbang kepada kegagalan mereka kerana proses fokus tersebut perlu berterusan sehinggalah mereka memperolehi keuntungan.

Apabila fokus di awal tadi hilang, maka mereka mula lupa di manakah point keuntungan yang mereka akan perolehi. Akhirnya mereka dengan segera mengambil keputusan untuk menutup posisi kerana menyangkakan mereka telah salah masuk posisi dan mengalami kerugian.

Bukankah ianya satu tindakan yang tidak bijak?

Faktor 6: Trader Terlalu Emosi Semasa Trading

Pengawalan emosi sangat penting semasa trade kerana sekiranya trader mula hilang kawalan emosi, maka trading mereka akan menuju ke lembah kehancuran.

Hal ini kerana mereka tidak boleh berfikir secara intelektual dan mereka lebih terikut-ikut dengan perasaan emosi mereka yang membuak-buak.

Saya sendiri pernah mengalami keadaan seperti ini pada awal-awal trading dulu. Apabila kita meletakkan emosi di atas, maka trading kita akan hancur. Bukan saya sahaja, bahkan kebanyakan trader juga selalu mengalami masalah yang sama ketika trading.



Oleh sebab itu, saya selalu berpesan kepada student saya agar jangan trade sekiranya mereka dalam keadaan beremosi. Seeloknya mereka tunggu sehingga emosi mereka stabil dan tenang dan baru mereka boleh membuat keputusan dengan baik semasa trading.

Trader yang terlalu beremosi semasa keluar masuk pasaran hanya akan menambahkan kerugian dalam trading mereka kerana

mereka suka meletakkan saiz lot yang besar-besar untuk mendapatkan keuntungan yang banyak. Yang mana ini bukanlah cara yang saya ajarkan.

Lot saiz yang besar hanya membuka ruang kerugian yang besar juga sebab banyak mana anda nak untung, banyak itu juga anda kena terima untuk rugi. Terima ke anda??




Jika mereka berterusan untuk trade dalam keadaan emosi, mungkin sahaja mereka boleh ditendang dari pasaran akibat wang trading mereka telah habis.

Bila dah MC, anda rasa anda akan *down* tak?

Kebanyakan trader mesti akan rasa down sangat bila akaun mereka MC. Tapi anda kena faham, anda MC sebab apa? Cuba belajar dari kesilapan!!

Faktor 7: Trader Cuba Cover Balik Kerugian Dengan Menanggung Lebih Banyak Kerugian

Dalam trading sememangnya ada untung dan ada rugi. Ini memang asam garam dalam pelaburan sebegini. Namun, sekiranya trader telah mengalami kerugian yang teruk, tapi mereka cuba juga untuk mendapatkan balik duit yang mereka rugi itu, ia bukanlah satu jalan yang mudah.



Hal ini kerana pasaran bergerak mengikut arahnya sendiri. Bukan mengikut apa yang kita inginkan. Oleh itu, sepatutnya trader kena trade mengikut trend pasaran. Bukan melawan arus trend.

Kebanyakan trader akan tidak berpuas hati dengan kegagalan mereka dan cuba untuk mengejar kembali wang mereka yang telah hilang. Dan bila anda kejar pasaran untuk dapatkan balik duit anda yang dah lebur, sudah tentu trade anda penuh dengan emosi yang tidak stabil.



Oleh sebab mereka tetap berdegil inginkan semula wang mereka yang telah lebur, mereka telah menjadikan diri mereka menanggung lebih banyak kerugian.

Sekiranya trend dan posisi yang diambil oleh trader adalah berlawanan, lebih baik mereka menutup posisi mereka. Lebih-lebih lagi jika trend tersebut masih lagi kuat dan ada momentum.

Sekiranya dibiarkan, mereka hanya akan menyebabkan wang mereka habis lebih banyak dengan terus mengekalkan posisi

trading mereka. Mustahil untuk mereka dapatkan balik wang yang telah lesap sekiranya mereka tetap berkeras.

Inilah dia punca mengapa ramai trader yang mengalami kegagalan dan kerugian di dalam trading. Bukan disebabkan faktor sistem atau platform, tetapi disebabkan oleh diri mereka sendiri.



Oleh itu, jangan pula anda biarkan diri anda tergolong dalam golongan 90% trader yang gagal akibat tidak ingin menuntut ilmu dan tidak dapat mengawal emosi semasa trading.

Tidak berbaloi untuk anda buat begitu kerana diri anda juga yang mengganggu deritanya nanti. Jadikan kesilapan orang lain ini sebagai panduan untuk anda trade dengan lebih baik. Jangan pula dah tahu tapi masih berdegil dengan trading anda. Sebab anda sendiri tahu akan bahannya nanti.

2


ANDA WAJIB TAHU: BAGAIMANA NAK BACA CHART KOSONG

Apa yang menarik tentang trading ini adalah apabila anda dapat membuat analisis dan masuk ke dalam pasaran berdasarkan kepada pembacaan pada chart kosong.

Anda faham ke bila tengok chart kosong di bawah ni?



Melalui chart kosong ini jugalah anda dapat melihat apa yang berlaku pada masa yang sebenar berdasarkan kepada harga semasa tanpa bersembunyi disebalik indikator.



Jika anda menggunakan indikator, anda lebih terikat dengan indikator yang anda gunakan dan belum tentu lagi harga yang diberikan oleh indikator adalah harga yang betul tepat kerana setiap indikator mempunyai kelemahan masing-masing.

Oleh itu, anda harus reti untuk membaca chart kosong bagi membantu anda mendapatkan nilai harga yang lebih tepat dan benar. Bagaimana untuk anda membaca chart kosong?

Dapatkan Teknologi EA Pertama
Dari Ir Sofian
www.akademiji.com



Cara 1: Lihat Kepada Trend Pasaran

Mula-mula anda boleh lihat kepada trend pasaran sama ada pasaran dalam keadaan ada trend atau pun tidak.

Sekiranya pasaran dalam keadaan ada trend, anda boleh meneruskan posisi dengan mengikuti trend yang sedang berlangsung.

Untuk melihat trend, anda harus lihat kepada formasi chart tersebut sama ada dalam keadaan menaik, menurun atau pun dalam keadaan sideway. Macam contoh di bawah ni.



Tak susah pun kan nak tahu pasaran tengah ada trend ataupun tidak. Lihat aje pada formasi chart tu tadi dan tengok keadaan



pergerakan harga pasaran tersebut. Jika dalam keadaan mendatar seperti sideway, maknanya pasaran tengah tak ada trend dan masih lagi mencari-cari arah tujuhnya.

Bila dalam keadaan sebegini, tindakan yang lebih baik untuk anda lakukan adalah dengan tidak mengambil apa-apa posisi dalam pasaran. Melainkan anda menggunakan teknik scalper 'in & out' dalam timeframe yang lebih kecil.

Jika pasaran dalam keadaan menaik ataupun menurun, anda boleh ambil posisi berdasarkan situasi pergerakan harga pasaran tersebut. Jangan berlawanan pula. Macam mana? Senang aje kan nak baca chart kosong ni kan?

Lepas ni anda sendiri dah boleh praktis dan buat latihan kepada mana-mana chart pasaran lah. Lama-kelamaan, sekali pandang aje anda dah boleh tahu pasaran tengah ada trend ataupun tak. Bak kata pepatah, 'practice make perfect'.

Cara 2: Lihat Kepada Zon Support & Resistance

Selain melihat kepada trend pasaran, anda juga boleh lihat kepada zon support dan resistance yang sangat memberikan impak kepada keadaan pergerakan pasaran.

Kebiasaannya pasaran akan bergerak dengan mengulangi kembali harga yang lepas. Sekiranya harga pasaran telah berada di kawasan zon support atau resistance, anda boleh masuk posisi melihat kepada signal yang diberikan oleh harga semasa. Tinggi sangat ke bahasa saya pakai?

Maksud saya, sekiranya anda nampak harga pasaran bergerak mengulangi kembali harga yang lepas, kawasan harga tersebut boleh dibuat 'zoning'. Jika harga pasaran tidak berjaya lagi melepasi kawasan zoning tersebut, ia pasti akan membuat u-turn atau reversal semula. Haa.. kat sini lah anda patut masuk posisi untu ambil sedikit keuntungan.



Jika harga pasaran bergerak melepasi garisan support atau resistance tersebut, anda boleh meneruskan lagi trend yang lepas. Jika uptrend, masuk posisi buy. Jika downtrend, masuk posisi sell. Tetapi, jika harga pasaran membuat pembalikan semula (reversal), macam saya bagitahu sebelum ni, anda boleh menukar posisi anda dan mengikut trend pasaran kembali.

Mudah aje kan nak baca chart kosong ni? Anda cuma buatkan *line zoning* sahaja untuk kawasan yang anda banyak 'noise' tu, iaitu tempat banyak perulangan harga.



Sekiranya anda sudah pandai membaca dan melihat bagaimana pasaran bermain di zon support dan resistance, anda pasti dapat trade dengan lebih baik hanya berpandu kepada ini sahaja.

Kerana di dalam chart tersebut akan ada zon di mana ia juga boleh mewakili zon support atau resistance, melihat kepada di manakah kedudukan harga semasa.

Cara 3: Lihat Kepada Bentuk Candlestick

Anda juga boleh lihat kepada bentuk candlestick yang ada pada chart pasaran tersebut. Sekiranya candle tersebut menunjukkan candle yang besar-besar, ia menunjukkan bahawa trend yang sedang belaku mempunyai momentum yang kuat. Macam contoh candle di bawah ni. Nampak tak besar-besar candle hijau tu?




Dalam gambar ni menunjukkan yang 'buyer' tengah banyak. Bila buyer tengah banyak, keadaan pasaran akan menaik.

Anda boleh lihat sama ada pasaran dalam keadaan uptrend ataupun downtrend, masing-masing menunjukkan chart yang sama cuma warnanya sahaja yang berbeza. Hijau atau putih menunjukkan naik, merah atau hitam menunjukkan turun. Lihat pula contoh 'seller' tengah banyak dalam pasaran di bawah ni.



Selain melihat kepada candle yang besar-besar, anda juga boleh lihat kepada tanda reversal yang wujud pada bentuk candlestick tersebut.

Tanda reversal tersebut adalah apabila rambut candle tersebut lebih panjang daripada biasa. Ia juga menunjukkan kepada kekuatan reversal yang akan berlaku.





Sekiranya anda lihat terdapat wujudnya bentuk reversal ini, lebih-lebih lagi pada kawasan zon support dan resistance, anda sudah boleh bersiap sedia untuk masuk posisi mengikut arah reversal tersebut.

**Nak Tahu
Lebih Lanjut
Tentang AJL?**

www.akademijf.com



Klik Disini

Namun, sekiranya bentuk candlestick tersebut adalah pendek-pendek atau kecil-kecil sahaja, ia menunjukkan bahawa pasaran tiada trend iaitu ia berada dalam keadaan sideway.

Apabila pasaran berada dalam keadaan sideway, anda masih boleh memperolehi keuntungan, cuma keuntungan yang anda perolehi tidak sebanyak semasa pasaran dalam keadaan ada trend.

Macam yang saya bagitahu sebelum ni.



Ni adalah gambaran pasaran dalam keadaan sideway. Kebiasaannya pasaran akan berada dalam keadaan sideway apabila trend telah pun habis dan mencari arah trend yang baru. Saya rasa senang aje kot untuk anda faham bentuk sideway ni. Sekali pandang pada chart kosong, dah boleh tahu pasaran tengah sideway atau tak.



Cara 4: Lihat Kepada Supply & Demand

Anda juga boleh membaca chart kosong dengan melihat kawasan zon supply dan demand yang wujud dalam pasaran tersebut.

Anda boleh trade secara longterm di timeframe besar atau trade secara short term berdasarkan zon supply dan demand ini di timeframe yang kecil.

Supply dan demand ini adalah kelompok trader yang membentuk zon di dalam pasaran di mana zon supply akan berada di bahagian atas dan zon demand di bahagian bawah.

Dari zon supply dan demand ini, anda boleh lihat berapa banyak transaksi trading buy atau sell yang telah berlaku.



Sekiranya harga semasa (spot price) berada dekat dengan kawasan supply, anda boleh masuk posisi sell dan sekiranya harga semasa berada dekat kawasan demand, anda boleh masuk posisi buy.



6 Kesilapan Kritikal
Dalam Trading Jangan Dibuat!
www.akademiji.com

3

ANDA WAJIB TAHU: BAHAGIKAN AKAUN TRADING

PEMBAHAGIAN AKAUN TRADING

Sekiranya anda ingin mengawal emosi, mengelakkan kesilapan dan merancang hala tuju di dalam trading, anda boleh aplikasikan cara ini iaitu dengan membahagikan akaun trading anda kepada dua bahagian.

Mungkin pada pandangan anda ianya nampak seperti biasa aje kan. Tapi, sebenarnya cara ini memang sangat membantu. Cubalah buat!

Bagaimana anda nak bahagikan akaun?

Akaun pertama adalah akaun untuk anda trade setiap hari (intraday) dan mendapatkan keuntungan jangka pendek. Manakala, akaun kedua adalah akaun untuk anda trade secara swing trader dengan mendapatkan keuntungan jangka panjang. Inilah fungsi untuk pembahagian akaun anda.



Sebab apa anda nak kena ada 2 akaun?

Ebook Trading : Rahsia Baca Chart

Ianya adalah bagi mengurangkan kekeliruan anda tentang posisi untuk jangka panjang dan posisi untuk jangka pendek di dalam trading.

Oleh kerana ramai trader yang mencampurkan cara trading mereka di dalam satu akaun, hal ini menyebabkan mereka mula terkeliru dengan trading manakah yang diletakkan untuk jangka panjang dan trading yang mana satukah yang untuk jangka pendek.


Sebab cara trade jenis scalper dan swinger ini tidak sama. Sebab itulah jika anda bahagikan akaun, anda boleh jadikan ia sebagai langkah berjaga-jaga.



Ada juga trader yang menutup posisi jangka panjang mereka kerana menyangka ia adalah posisi jangka pendek yang dah mengalami kerugian. Hah... Kan dah rugi.

So, bagi mengelakkan kesilapan ini, anda bolehlah membuka dua akaun trading dan asingkan sistem trading anda. Ia lebih mudah dan menyenangkan anda. Lebih-lebih lagi jika anda mempunyai posisi jangka panjang, sekurang-kurangnya akaun anda masih boleh menyokong float yang tinggi.

Anda juga boleh jadikan akaun scalping anda sebagai duit poket untuk perbelanjaan harian sebab trade hari ni dapat profit dah boleh withdraw.



Akaun swinger anda pula boleh dijadikan sebagai akaun untuk anda bayar sewa rumah, kereta atau roadtax. Macam mana idea saya ni? Bernas tak? Barulah kewangan anda akan lebih tersusun dan teratur.

PENUTUP

Macam mana? Adakah anda rasa ebook ini sangat membantu anda untuk memahami lebih mendalam lagi tentang macam mana nak baca chart?

Saya harap sedikit sebanyak perkongsian saya di dalam ebook ini akan membantu membuka minda anda tentang dunia trading. Sebab ilmu trading tu sangat meluas. Galilah sedalam mana, anda tetap akan jumpa dan jumpa ilmu baru dan rupanya masih banyak lagi yang anda tidak tahu.

Begitulah juga saya. Sehingga ke hari ini saya masih lagi dalam proses mempelajari tentang trading. Mendalami lagi tentang pergerakan pasaran. Dan saya harap ilmu yang saya ada ini juga dapat membantu anda di luar sana yang masih lagi mencari-cari titik permulaan untuk terus maju ke hadapan dalam bidang trading.

Jangan pernah mengalah, dan jangan pernah berputus asa. Memang ragam dalam trading, ni ada masa kita di atas, ada masa kita di bawah. Jika anda berada di bawah, dapatkan Jemaah yang mampu bantu memberi sokongan kepada anda. Jangan biarkan hidup anda terus sendiri dalam trading. Muhasabahlah diri. Cari mana salah anda, dan perbetulkan ia kembali kerana belum terlambat untuk anda mengubah hidup anda.